




KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021-2025



**KAMI @PELAN PERPADUAN
KELUARGA MALAYSIA
2021-2025**

ISBN 978-967-2709-04-6



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Putrajaya, 2021

Hak cipta/Copyright© Kementerian Perpaduan Negara, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Ministry of National Unity.

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 - 10, Blok F9, Parcel F,
Lebuh Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA

KANDUNGAN


KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021-2025



PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI	02
KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA	04
PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	06
RINGKASAN EKSEKUTIF	07
LATAR BELAKANG <ul style="list-style-type: none">• Konsep Keluarga Malaysia• Dasar Perpaduan Negara• Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030• Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030	09
ISU DAN CABARAN	15
KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021-2025	21
OBJEKTIF	25
STRATEGI	27
DIMENSI KARIB <ul style="list-style-type: none">• Pengenalan• Isu dan Cabaran• Strategi• Pelan Tindakan	31
DIMENSI AKSESIBILITI <ul style="list-style-type: none">• Pengenalan• Isu dan Cabaran• Strategi• Pelan Tindakan	41
DIMENSI MAJMUK <ul style="list-style-type: none">• Pengenalan• Isu dan Cabaran• Strategi• Pelan Tindakan	53
DIMENSI INKLUSIVITI <ul style="list-style-type: none">• Pengenalan• Isu dan Cabaran• Strategi• Pelan Tindakan	63
PENUTUP	74



PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI



KAMI @PELAN PERPADUAN
KELUARGA MALAYSIA 2021-2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Perpaduan dan Salam Keluarga Malaysia.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 dapat diterbitkan oleh Kementerian Perpaduan Negara. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 merupakan satu pelan tindakan yang signifikan kepada Kementerian Perpaduan Negara selaku peneraju dalam agenda perpaduan nasional. Uniknya KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 dibangunkan dengan memfokuskan kepada rakyat sebagai elemen utama dalam usaha memperkuuh perpaduan negara.

Kepelbagaian dan kerencaman yang kita miliki adalah aset yang tidak ternilai kepada negara dan perlu sentiasa dipelihara seperti mana pernah disebut oleh Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj: "Kita semua rakyat Malaysia. Ini adalah satu ikatan yang sentiasa menyatukan kita. Hendaklah kita sentiasa ingat bahawa perpaduan adalah asas kekuatan kita sebagai rakyat dan sebagai satu negara."

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan pelbagai agama, bangsa, etnik, kepercayaan dan budaya, kita sentiasa terbuka untuk meraikan kepelbagaian ini dan mencari titik persamaan yang dapat menyatupadukan rakyat Malaysia. Nilai inilah yang akan sentiasa dipegang utuh demi memperkasakan perpaduan Keluarga Malaysia.

Selaras dengan nilai dan ciri-ciri 'Keterangkuman' (*Inclusivity*), 'Kebersamaan' (*Common Ground*) dan 'Kesyukuran' (*Contentment*) dalam konsep Keluarga Malaysia, saya berharap nilai dan ciri-ciri ini akan menjadi asas untuk kita mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dengan berpaksikan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Harapan saya agar dengan izin-Nya, KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025, usaha mendukung agenda perpaduan Keluarga Malaysia tidak sekadar tertulis indah di atas kertas, tetapi dizahirkan dengan tindakan proaktif yang bersepadu daripada semua pihak untuk menggerakkan seluruh Keluarga Malaysia bersama-sama menyemarakkan semangat perpaduan dan muhibah di seluruh pelosok tanah air.

Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara di atas penghasilan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat



DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI





KATA ALU-ALUAN YANG BERHORMAT MENTERI PERPADUAN NEGARA



KAMI @PELAN PERPADUAN
KELUARGA MALAYSIA 2021-2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Perpaduan dan Salam Keluarga Malaysia.

Keharmonian dalam kepelbagaian yang kita kecapi hari ini adalah sebahagian daripada sejarah dan warisan yang perlu terus dipelihara kerana ia menjadi simbol kepada semangat kebersamaan dan toleransi yang telah terjalin sekian lama.

Sudah tentunya seluruh Keluarga Malaysia tanpa mengira perbezaan agama, kaum, etnik, budaya maupun fahaman politik mempunyai tanggungjawab yang sangat penting untuk bersama-sama memastikan keharmonian ini kekal utuh. Detik-detik perpaduan atau '*moment of unity*' yang dapat memperkuuh keharmonian dan menyemarakkan rasa muhibah perlu dirasai di seluruh pelosok negara, dari Semenanjung hingga ke Sabah dan Sarawak. Sudah tentunya detik-detik perpaduan ini sering terlihat melalui seni dan budaya, sukan dan juga makanan iaitu tiga (3) elemen utama yang amat dekat di hati kita, yang sebenarnya telah menjadi simpulan ikatan menggambarkan penerimaan dan kebersamaan dalam kepelbagaian.

Justeru, KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 telah dihasilkan bagi melengkapi Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang memberi fokus kepada pelaksanaan program dan aktiviti di semua peringkat masyarakat. Hasilnya, tapak-tapak integrasi baharu perpaduan akan terus bercambah, interaksi dan toleransi akan terus terjalin dan muhibbah akan terus bersemarak.

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 ini memberi tumpuan kepada empat (4) dimensi iaitu Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti yang ringkasnya dinamakan sebagai "KAMI" sebagai simbolik kepada rasa kebersamaan dan meraikan perbezaan yang ada.

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 diharap akan menjadi mekanisme penghubung dalam usaha memperkuuh perpaduan rakyat. Marilah kita bersama-sama menyemarakkan Perpaduan Keluarga Malaysia.

Sekian, terima kasih.

#PerpaduanKeluargaMalaysia

DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
MENTERI PERPADUAN NEGARA





PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



KAMI @PELAN PERPADUAN
KELUARGA MALAYSIA 2021-2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Perpaduan dan Salam Keluarga Malaysia.

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 ini dirangka selari dengan teras Dasar Perpaduan Negara dan aspirasi Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 serta Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 yang menetapkan matlamat ke arah mencapai kesepadan sosial dan perpaduan mampan.

Sebagai sebuah negara yang memiliki kepelbagaian agama, kaum, budaya dan adat resam, nilai-nilai kebersamaan dan meraikan perbezaan yang ada menjadi asas kepada keharmonian. Justeru, tiga (3) prinsip asas dalam hubungan antara kaum dan etnik iaitu faham, hormat dan terima perlu dihayati oleh semua lapisan masyarakat daripada pemimpin hingga ke komuniti di akar umbi.



KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 ini dihasilkan bagi memastikan Kementerian Perpaduan Negara dapat menyusun dan melaksanakan segala inisiatif, program dan aktiviti yang diterajui sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dengan lebih terancang dan berkesan serta memberi impak kepada komuniti Keluarga Malaysia.

Berteraskan empat (4) Dimensi iaitu Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti, sebanyak 58 program telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di pelbagai peringkat termasuk individu, keluarga, komuniti, agensi kerajaan, NGO dan swasta.

Program-program yang disusun ini akan melibatkan penyertaan pelbagai golongan termasuk kanak-kanak, pelajar sekolah, pelajar institusi pendidikan tinggi, pemimpin komuniti dan masyarakat umum.

Kementerian komited untuk memastikan program yang telah disusun di bawah KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 dapat dilaksanakan dan mencapai keberhasilan yang diharapkan. Sesungguhnya komitmen daripada semua pihak yang terlibat amat diharapkan kerana pastinya kejayaan tidak akan terhasil tanpa kerjasama semua.

Terima kasih.

#KamiKeluargaMalaysia

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Noridah'.

DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



RINGKASAN EKSEKUTIF

**KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA
2021-2025**



RINGKASAN EKSEKUTIF

Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 pada 15 Februari 2021. DPN merupakan dasar yang memayungi semua inisiatif dan perancangan strategik kementerian. Tunjang kepada teras dan strategi DPN ialah Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Kedua-duanya merupakan tulang belakang kepada pembangunan Malaysia dan menjadi panduan kepada semua dasar kerajaan.

Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 telah dibangunkan oleh kementerian bagi menterjemah kedua-dua dokumen dasar tersebut kepada pelaksanaan melalui program dan aktiviti praktikal dari peringkat pusat sehingga ke komuniti akar umbi di seluruh negara. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan pelan induk (*master plan*) yang menggariskan program-program di bawah agenda perpaduan melibatkan pelbagai kementerian dan agensi.

Sebagai menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 yang merupakan inisiatif berfokus dalam meraikan kepelbagaian di negara ini berlandaskan nilai dan ciri Keluarga Malaysia iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.

Pembangunan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 adalah melalui kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia (USM) yang melibatkan responden pelbagai etnik di seluruh negara.


Prinsip asas “Merakyatkan Perpaduan” memerlukan rakyat negara ini meraikan perbezaan dalam kepelbagaian kerana dalam apa keadaan sekalipun, perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan menjadi teras kepada keharmonian sebuah Keluarga Malaysia.

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 menekankan kepada isu dan permasalahan yang dirungkai berdasarkan pada hasil kajian dan dibahagikan kepada empat (4) dimensi yang dikenali sebagai Dimensi KAMI iaitu Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti.



LATAR BELAKANG

KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA
2021-2025



KONSEP KELUARGA MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara yang aneka ragam, rencam dan majmuk sifatnya merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kepelbagaiannya pasti membawa cabaran tetapi dalam waktu yang sama, banyak titik persamaan atas nama perpaduan dan hubungan keinsanan. Keluarga besar yang berwarna-warni ini telah melalui pasang surutnya, dan ada zaman kecemerlangan di sebalik kemerosotannya. Kesinambungan kepimpinan sentiasa memastikan agar perpaduan tidak terjejas dalam proses pembangunan, industrialisasi dan pemodenan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sembilan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia pada 22 Ogos 2021.

Konsep Keluarga Malaysia diperkenalkan sebagai pendekatan yang digunakan dalam pentadbiran kerajaan dan telah dilancarkan secara rasmi pada 23 Oktober 2021 di Kuching, Sarawak. Konsep Keluarga Malaysia menekankan kepada tiga (3) kata kunci iaitu Keterangkuman (*Inclusivity*), Kebersamaan (*Common Ground*) dan Kesyukuran (*Contentment*).

Sifat Keluarga Malaysia adalah merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta kelangsungannya hendaklah didukung dan bertunjangkan amalan nilai kekeluargaan seperti kasih sayang, saling bantu membantu, hormat menghormati dan menerima perbezaan dan kepelbagaiannya sebagai satu kekuatan. Aspirasi Keluarga Malaysia dan amalannya yang berterusan pasti menjadi tunjang bukan sahaja kepada perpaduan antara kaum, bahkan juga integrasi antara wilayah dan daerah, antara sektor dan pelbagai lagi kegiatan sosioekonomi.

Penyatupaduan seluruh rakyat Malaysia merupakan salah satu bidang tumpuan utama dalam konsep Keluarga Malaysia. Kementerian Perpaduan Negara yang bertanggungjawab dalam memperkuuh agenda perpaduan nasional telah mengambil inisiatif menterjemah konsep Keluarga Malaysia dari aspek perpaduan sebagai aktiviti praktikal di semua peringkat melalui pembangunan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 yang menekankan tiga (3) prinsip asas dalam hubungan antara etnik iaitu faham, hormat dan terima.



Nilai Dan Ciri-ciri Keluarga Malaysia

Gabungan Nilai dan Ciri



Messaging House

VISI
MALAYSIA

KELUARGA MALAYSIA

Memulihkan negara dan mencapai status Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi

MATLAMAT

Keluarga Malaysia sebagai aspirasi jangka masa panjang yang kalis cabaran masa hadapan dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi berlandaskan Keberhasilan Kebahagiaan

HALA TUJU
STRATEGIK

Rakyat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa akan berganding bahu memulihkan negara daripada impak-impak negatif akibat COVID-19

BIDANG
TUMPUAN
UTAMA

Memulih semula dan merapatkan jurang ekonomi

Menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia di bawah naungan Keluarga Malaysia


Mengetepikan perbezaan politik untuk mencapai kestabilan

MESEJ
KESELURUHAN

Keluarga Malaysia dapat menerima persamaan dan perbezaan berdasarkan nilai-nilai dan ciri-ciri Keluarga Malaysia berlandaskan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Rukun Negara

DASAR PERPADUAN NEGARA

Dasar Perpaduan Negara (DPN) ialah satu dokumen strategi jangka panjang dan usaha berterusan yang dirangka untuk menetapkan hala tuju perpaduan negara dalam memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur. Bagi masyarakat yang berbilang etnik, agama dan budaya, perpaduan perlu menjadi agenda utama agar keamanan dan kelangsungan pembangunan negara terjamin, sekali gus mempertahankan kedaulatan negara. Tunjang kepada teras dan strategi DPN ialah Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Kedua-duanya merupakan tulang belakang pembangunan Malaysia dan menjadi panduan kepada semua dasar kerajaan. Sejarah dan semangat di sebalik Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu dihayati dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat.



DPN juga merupakan inisiatif berterusan kerajaan dalam menerajui agenda perpaduan melalui pelaksanaan tiga (3) teras perpaduan dan disokong oleh 12 strategi sebagai usaha untuk melahirkan bangsa Malaysia yang patriotik, demokratik dan berkeperibadian tinggi, membangunkan identiti nasional yang mempunyai cita-cita sepunya serta mengukuhkan ekosistem perpaduan negara.



Objektif Dasar

Mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara

Membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab

Malahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan

RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) PERPADUAN NEGARA 2021-2030

Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik untuk mencapai objektif Dasar Perpaduan Negara. Rangka tindakan ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai. Ia menjadi rujukan dalam penyediaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN).



Objektif Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030

- 1**
Memahami konsep perpaduan dalam konteks Malaysia
- 2**
Mewujudkan visi dan aspirasi perpaduan yang jelas untuk dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang
- 3**
Menggariskan anjakan strategik dan inisiatif bersasar yang komprehensif bagi merealisasikan aspirasi perpaduan yang dihasratkan

Aspirasi Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030



PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030 telah dibangunkan bagi menterjemah kedua-dua dokumen dasar tersebut kepada pelaksanaan melalui program dan aktiviti praktikal dari peringkat pusat sehingga ke komuniti akar umbi di seluruh negara.

PTPN 2021-2030 merupakan pelan induk (*master plan*) yang menggariskan program-program di bawah agenda perpaduan melibatkan pelbagai agensi.



PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

Objektif PTPN 2021-2030

Menyediakan kerangka rujukan bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah memperkuuh perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang etnik

1

Menjadikan pelan tindakan sebagai ukuran kejayaan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030

2

Memperkasa cita-cita Rukun Negara sebagai pasak kepada Pelan Tindakan Perpaduan Negara sesuai dengan usaha mencipta sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera

3

Teras Strategik PTPN 2021-2030

TS1

Memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan



TS2

Membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan



TS3

Memperkasakan sosioekonomi yang adil dan saksama



TS4

Menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan



TS5

Membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi





ISU DAN CABARAN

**KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA
2021-2025**



ISU DAN CABARAN

Dalam usaha menyemai, memupuk, memelihara dan memperkasa perpaduan Keluarga Malaysia, isu dan cabaran yang dikenal pasti perlu diurus dan dirawat dengan sebaiknya. Hal ini bagi mengelak tercetusnya babit-babit perpecahan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Strategi dan pelan tindakan yang menyumbang kepada kesepadan sosial dalam usaha mengurus hubungan etnik yang harmoni perlu sentiasa dilaksanakan sesuai dengan persekitaran semasa.



Isu Dan Cabaran 1

Membina Keakraban Demi Perpaduan Keluarga Malaysia

- ▶ Sosialisasi adalah proses pembelajaran yang dialami oleh seseorang untuk memperolehi pengetahuan tentang diri sendiri, nilai dan norma masyarakat agar ia dapat menjadi sebahagian daripada anggota sesebuah masyarakat. Proses sosialisasi merupakan satu proses yang sangat penting yang berupaya membantu pembentukan perpaduan melalui empat (4) agen utama iaitu keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan dan media massa.
- ▶ Keempat-empat agen sosialisasi ini lebih berautoriti dan mampu memberi impak yang lebih baik ke arah pembentukan perpaduan di negara ini. Proses sosialisasi juga bertindak sebagai agen yang berkuasa untuk memupuk dan mewujudkan penyatuan dalam kalangan masyarakat. Isu dan cabaran Dimensi Karib akan memfokuskan kepada empat (4) agen sosialisasi utama iaitu keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan dan media massa sebagai strategi dan objektif yang hendak dicapai bagi mencipta keakraban dalam perpaduan.



MEDIA MASSA



INSTITUSI PENDIDIKAN



KELUARGA



RAKAN SEBAYA



Isu Dan Cabaran 2

Meningkatkan Kebolehcapaian Perpaduan Keluarga Malaysia

- ▶ Aksesibiliti merujuk kepada kebolehcapaian terhadap pelbagai aspek termasuk fasiliti, maklumat dan perkhidmatan. Aksesibiliti bukan hanya merangkumi aspek fizikal sahaja malah melibatkan tahap kesampaian maklumat dan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat.
- ▶ Dalam konteks perpaduan di Malaysia, aksesibiliti adalah penting untuk memupuk keharmonian perpaduan pelbagai etnik di negara ini. Justeru, penyediaan aksesibiliti kepada setiap etnik perlu dititikberatkan. Dimensi Aksesibiliti ini memfokuskan kepada dua (2) aspek utama iaitu maklumat dan perkhidmatan serta kemudahan dan ruang.



MAKLUMAT DAN PERKHIDMATAN



KEMUDAHAN DAN RUANG



Isu Dan Cabaran 3

Meraikan Kepelbagaian Dalam Keluarga Malaysia

- ▶ Majmuk merupakan kepelbagaian ciri unik yang dibawa oleh setiap etnik di Malaysia merangkumi adat resam, agama, budaya dan identiti. Penanda aras kepada masyarakat majmuk di negara ini tidak hanya dilihat daripada satu lensa sahaja sebagai kayu pengukur kepada toleransi masyarakat berbilang kaum.
- ▶ Dalam konteks perpaduan di Malaysia, majmuk merupakan aspek penting dalam melonjak semangat perpaduan sebagai tunjang asas kesepadan dan kebersamaan. Dimensi Majmuk menumpukan kepada tiga (3) komponen utama iaitu bahasa, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni serta kepercayaan dan amalan.



BAHASA



**PENGHAYATAN
DAN PENGAMALAN
NILAI-NILAI
MURNI**



**KEPERCAYAAN
DAN
AMALAN**



Isu Dan Cabaran 4

Membudayakan Inklusiviti Keluarga Malaysia

- ▶ Inklusiviti atau keterangkuman membawa makna setiap lapisan masyarakat tanpa mengira etnik, agama, umur dan jantina berhak untuk dihormati dan dihargai sebagai anggota masyarakat serta boleh terlibat dalam aktiviti dan program yang dijalankan.
- ▶ Rasa kesepunyaan dan penerimaan merupakan aspek utama yang ditekankan dalam mencapai budaya inklusiviti dalam sesebuah masyarakat. Apabila seseorang mencapai rasa kesepunyaan iaitu merasakan diri mereka adalah sebahagian daripada masyarakat, mereka akan berasa lebih dihargai, suara mereka akan lebih didengari, kepentingan mereka terjaga dan ketakutan mereka diberi perhatian. Dimensi Inklusiviti berpegang kepada empat (4) fokus utama iaitu pilihan, peluang, interaksi dan sikap.



PILIHAN



PELUANG



INTERAKSI




SIKAP





KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021-2025



KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA 2021-2025



Sebagai menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021- 2025. KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 dihasilkan berlandaskan gabungan nilai dan ciri Keluarga Malaysia iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesukuran yang merupakan inisiatif berfokus dalam usaha mengukuhkan penyatupaduan dan meraikan kepelbagaian di negara ini.

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 dihasilkan bagi memastikan Kementerian Perpaduan Negara dapat menyusun dan melaksanakan segala inisiatif, program dan aktiviti yang diterajuinya yang telah ditetapkan di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dengan lebih terancang dan berkesan serta memberi impak kepada Keluarga Malaysia.

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 memberi tumpuan kepada empat (4) dimensi iaitu Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti yang ringkasnya dinamakan sebagai “KAMI”.



Kementerian telah bekerjasama dengan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia untuk membangunkan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025. Kajian telah dijalankan di lima (5) zon di seluruh Malaysia iaitu Utara, Tengah, Timur, Selatan dan Borneo. Komuniti yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik seperti komuniti Melayu, Cina, India, Serani, Peranakan Cina, Sikh, Siam, Melayu-Siam, Orang Asli Semai, Orang Asli Kuala, Melayu-Sarawak, Bidayuh, Iban, Bajau Laut, Bugis dan Banjar terlibat dalam kajian ini.

Kajian telah dilaksanakan menggunakan kaedah Kumpulan Perbincangan Berfokus (FGD) dan Temu Bual Mendalam (IDI) di seluruh negara.




KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 merupakan modul program dan aktiviti yang signifikan sebagai usaha mengukuhkan agenda perpaduan negara berpusatkan rakyat. Prinsip dan pendekatan ‘Merakyatkan Perpaduan’ wajar menjadi kebiasaan dan tapak kepada pembinaan negara ini yang keterangkumannya mencerminkan keanekaragaman dan kemajmukan Keluarga Malaysia merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.




OBJEKTIF

**KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA
2021-2025**



OBJEKTIF

KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 menetapkan dua (2) objektif iaitu:



Memahami cabaran dan isu perpaduan merentasi negeri, wilayah dan etnik dalam usaha merakyatkan perpaduan

1



Melaksanakan program pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan dimensi Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti

2





STRATEGI

**KAMI @PELAN PERPADUAN KELUARGA MALAYSIA
2021-2025**



Berdasarkan kepada empat (4) isu dan cabaran utama yang telah dirungkai, KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025 telah menggariskan empat (4) strategi dan 15 objektif dalam usaha untuk membina prinsip asas hubungan etnik yang kemudiannya membawa kepada penguatan perpaduan. Strategi yang digariskan untuk mencapai matlamat pelan ini adalah seperti berikut:

KARIB **Membina Keakraban Demi Perpaduan Keluarga Malaysia**

1

Menjadikan keluarga sebagai agen sosialisasi pertama memberikan kefahaman tentang kepelbagaian etnik dan perpaduan



2

Meningkatkan pemahaman mengenai kepelbagaian etnik menerusi rakan sebaya



3

Memberikan pendidikan formal dan tidak formal kepada pelajar tentang kepelbagaian etnik



4

Mendidik masyarakat mengenai perpaduan dan kepelbagaian etnik menerusi media massa



AKSESIBILITI

Meningkatkan Kebolehcapaian Perpaduan Keluarga Malaysia

1

Meningkatkan aksesibiliti kepada usaha-usaha mempromosi perpaduan



2

Meningkatkan mutu perkhidmatan di fasiliti perpaduan



3

Kemudahan sosial dalam usaha meningkatkan perpaduan



4

Memperbanyakkan ruang yang akan menjadi tapak integrasi perpaduan



MAJMUK

Meraikan Kepelbagaian Dalam Keluarga Malaysia

1

Pemartabatan Bahasa Kebangsaan di samping menggalakkan pembelajaran bahasa komunikasi asas lain



2

Mengukuhkan jati diri sebagai bangsa Malaysia dalam konteks kepelbagaian yang dimiliki



3

Menerima dan menghormati kepelbagaian agama, budaya, adat resam dan amalan etnik yang berbeza



INKLUSIVITI

Membudayakan Inklusiviti Keluarga Malaysia

1

Mempelbagaikan pilihan aktiviti sosial yang akan menggalakkan penyertaan pelbagai kaum dan etnik



2

Menyediakan peluang yang luas kepada masyarakat daripada pelbagai kaum dan etnik untuk terlibat dalam aktiviti yang bercorak kemasyarakatan dan membudayakan perpaduan



3

Menggalakkan interaksi inter etnik dan intra etnik menerusi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan perpaduan



4


Menggalakkan sikap terbuka dan menerima kepelbagaian yang ada menerusi aktiviti-aktiviti yang disertai







DIMENSI KARIB



KAMI @PELAN PERPADUAN
KELUARGA MALAYSIA 2021-2025

PENGENALAN

Keluarga merupakan unit asas dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Tanpa keluarga maka tidak wujudlah masyarakat. Justeru itu, untuk melahirkan sebuah Keluarga Malaysia yang aman, makmur, bersatu padu, berfikiran terbuka, berlapang dada dan menerima perbezaan dengan mencari persamaan dan bertoleransi, maka ianya perlu bermula melalui proses sosialisasi. Sosialisasi adalah proses pembelajaran yang dialami oleh seseorang untuk memperolehi pengetahuan tentang diri sendiri, nilai dan norma masyarakat agar ia dapat menjadi sebahagian daripada cara hidup.

Proses sosialisasi merupakan satu proses yang sangat penting yang berupaya membantu pembentukan Keluarga Malaysia melalui empat (4) agen utama iaitu keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan dan media massa.

Melalui proses sosialisasi ini seseorang individu itu akan dilengkapkan dengan pengajaran dan bimbingan agar mempunyai kekuatan dari segi keperibadian, kerohanian, akhlak serta keterampilan bersesuaian dengan jangkaan nilai dan norma Keluarga Malaysia. Proses sosialisasi bukan sekadar berfungsi melengkapkan seseorang individu itu dengan memenuhi keperluan hidup melalui ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi juga pada masa yang sama proses sosialisasi bertindak sebagai agen yang berkuasa untuk memperkasakan penyatuan masyarakat.



Isu Dan Cabaran

Proses sosialisasi di Malaysia telah mula diterapkan dalam kalangan masyarakat sejak awal kemerdekaan negara. Masyarakat pelbagai etnik hidup bersama-sama dalam kelompok komuniti dan bergaul mesra serta saling menghormati adat dan budaya masing-masing. Proses sosialisasi bermula dengan nilai-nilai murni yang disemai dalam institusi kekeluargaan, semangat permuaafakatan yang disirami dalam persahabatan rakan sebaya, pendidikan silang budaya yang dibajai di institusi pendidikan dan wahana perpaduan yang disuburkan oleh media massa. Namun demikian, selaras dengan peredaran zaman serta perkembangan semasa, pelbagai isu dan cabaran telah dihadapi bagi memperkasakan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Setiap isu perpaduan saling berkait antara satu sama lain dan perlu dirawat bagi mengekalkan kestabilan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di negara ini.



Keluarga

- ✓ Peranan institusi kekeluargaan dalam memainkan peranan untuk mendidik ahli keluarga khususnya anak-anak tentang kepentingan nilai-nilai perpaduan, keperluan memahami dan menghormati adat budaya etnik yang berlainan kurang efektif.
- ✓ Keterbatasan pergaulan akibat demografi kawasan penempatan keluarga yang tertumpu kepada satu etnik sahaja.



Rakan Sebaya

- ✓ Kurang kefahaman budaya yang berlainan.
- ✓ Sikap etnosentrik iaitu sikap membanggakan budaya sendiri dan merendahkan budaya etnik lain serta kekurangan pengetahuan tentang etnik lain.



Institusi Pendidikan

- ✓ Peranan guru sebagai agen sosialisasi dalam menyatupadukan pelajar pelbagai etnik masih di tahap yang rendah.
- ✓ Kekurangan program yang memberi pendedahan tentang kepelbagaian kaum dan budaya di sekolah.



Media Massa

- ✓ Hebohan mengenai isu / promosi perpaduan dan integrasi nasional dalam media massa masih kurang.
- ✓ Literasi media dalam kalangan pengguna media sosial untuk menilai kesahihan berita masih rendah.


Strategi Dimensi KARIB

Strategi Dimensi Karib adalah untuk meningkatkan kefahaman tentang perpaduan dalam kalangan semua lapisan masyarakat melalui proses sosialisasi. Strategi Dimensi Karib ini membincangkan empat (4) agen utama dalam proses sosialisasi iaitu keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan dan media massa





PELAN TINDAKAN **DIMENSI KARIB**



KAMI @PELAN PERPADUAN
KELUARGA MALAYSIA 2021-2025

Pelan Tindakan Dimensi KARIB

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan sebanyak 12 program telah dirancang untuk dilaksanakan.

KARIB: Membina Keakraban Demi Perpaduan Keluarga Malaysia



KELUARGA

Menjadikan keluarga sebagai agen sosialisasi pertama memberikan kefahaman tentang kepelbagaian etnik dan perpaduan

Program 1	Program Menyemai Kasih
Indikator	Bilangan program yang dianjurkan setahun
Sasaran	16 program
Tempoh Pelaksanaan	2022-2025
